

10/07/2000

Syed Razak perlu satukan ahli Umno di Kedah

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

SEJAK tujuh bulan lalu, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain sibuk menjelajah negeri menemui rakyat bagi meyakinkan mereka kerajaan Barisan Nasional (BN) masih relevan untuk terus memerintah Kedah.

Slogan 'Mesra Rakyat' adalah antara strategi memenangi semula hati sebahagian rakyat Kedah, khususnya bangsa Melayu supaya mengekalkan mandat kepada BN yang ditunjangi Umno pada pilihan raya umum akan datang.

Mesyuarat Exco secara bergilir pada peringkat daerah serta pengumuman dalam akhbar nombor telefon peribadinya bagi membolehkan rakyat menghubunginya juga strategi memenangi hati rakyat. Begitu juga penubuhan pasukan pemikir bagi membuat perancangan politik dan pembangunan negeri.

Semuanya adalah persediaan menghadapi Pas yang secara terbuka meletakkan Kedah sebagai sasaran selepas berjaya mempertahankan Kelantan dan merampas Terengganu pada pilihan raya umum lalu.

BN menang 24 daripada 36 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Pas menang 12, iaitu tambahan 10 daripada dua yang dimenangnya pada 1995. Selain DUN, Pas turut menang lapan daripada 15 kerusi Parlimen.

Semua calon Umno tewas, manakala MCA, MIC dan Gerakan adalah penyelamat yang menggenapkan majoriti dua pertiga BN dalam DUN Kedah.

Persediaan awal dan perancangan rapi beberapa minggu selepas pilihan raya November lalu adalah isyarat kepada Syed Razak supaya bersedia menghadapi pertarungan yang bakal lebih sengit.

Ia diakui oleh pemerhati politik serta pemimpin Umno sendiri. Tambahan pula menurut mereka, Pas mempunyai ramai 'jaguh' di Kedah.

Selain presidennya Datuk Fadzil Noor, tokoh lain ialah Ketua Pemuda, Mahfuz Omar; Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Mohamad Sabu; Setiausaha Agung, Nasharuddin Md Isa; bekas imam besar Masjid Negara, Azzamuddin Taib Mohd Taib dan Sasterawan Negara, Datuk Shahnun Ahmad yang semuanya menang pilihan raya lalu.

Persoalannya, adakah strategi Syed Razak bakal berjaya. Bagi sesetengah pemimpin Umno, jawapannya mudah. Selain strategi sedia ada, formulanya ialah tidak ulangi kesilapan lalu, iaitu pemilihan calon yang tidak tepat sehingga berlaku perpecahan dalam Umno.

Ketua Umno bahagian Kuala Kedah dan bekas Ahli Parlimen kawasan itu, Datuk Zakaria Said yang tidak dipilih semula berkata langkah meletakkan calon dari bahagian lain adalah punca kemenangan Mohamad Sabu di Kuala Kedah.

"Jika pun bukan saya yang dipilih, mengapa calon luar yang diambil. Penyokong Umno sukar menerimanya. Lagipun mana sempat 10 hari tempoh berkempen kita nak perkenalkan calon," katanya.

Beliau mengakui kesukaran merampas semula kebanyakan kerusi yang telah dimenangi Pas kerana mereka telah mula bertapak dan mendekati hati rakyat tetapi ia bukan mustahil sambil menyarankan supaya slogan 'Mesra Rakyat' diperbaiki.

Beliau hairan mengapa masih berlaku pengasingan tempat makan pada majlis pertemuan pemimpin dengan rakyat walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri bersetuju supaya protokol dikurangkan bagi mendekati rakyat dengan pemimpin.

Teguran Zakaria ada kebenarannya kerana pengasingan ketika jamuan berlaku ketika Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin merasmikan mesyuarat agung tahunan Persatuan Nelayan Kedah (Nekad) di Kuala Kedah, pada Jumaat lalu.

Syed Razak juga perlu menyelesaikan beberapa isu. Antaranya projek ternakan udang harimau di Kerpan, penempatan semula kampung nelayan di Kuala Kedah, prestasi Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan isu kemiskinan yang terus dibangkitkan oleh Pas.

Ia kerana pengumuman pelaburan lebih RM8 bilion untuk projek Pembangunan Pulau Bunting di Yan (RM7 bilion) dan Kedah Resort City di Tupah (RM1.5 bilion) dalam tempoh dua minggu baru-baru ini bukan jaminan rakyat akan memilih BN.

Begitu juga penjualan ekuiti Kumpulan Ben Ladin, dari Arab Saudi kepada Kerajaan Pusat dalam Samak Aquaculture Sdn Bhd di Kerpan yang bakal membolehkan operasi projek kontroversi itu disambung semula.

Penulis politik dan Ahli Jawatankuasa Umno bahagian Pokok Sena, Ramli Yunus berkongsi pendapat dengan Zakaria bahawa projek pembangunan dan penyelesaian isu bukan umpam mendorong rakyat memilih BN.

Sebaliknya, pepecahan dalaman Umno yang menjadi punca utama kemerosotan sokongan perlu dipulihkan. Mereka berpendapat, pemilihan peringkat bahagian juga menjadi pengukur prestasi pada pilihan raya umum akan datang kerana perebutan jawatan bakal mengundang perpecahan.

Justeru, tugas Syed Razak bukan setakat mendekati pemimpin dengan rakyat dan membangunkan negeri. Bagi penyokong setia pembangkang, undi mereka tidak akan berubah. Yang lebih penting penyatuan semula Umno dan mengelakkan perpecahan berterusan menjelang pemilihan peringkat bahagian tahun depan.

(END)